

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

KKM kesal kes jual vape depan sekolah

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memandang serius serta kesal isu penjualan produk rokok elektronik atau vape di hadapan sebuah sekolah yang tular baru-baru ini.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM juga mendapat maklumat, aktiviti mempromosi, pengiklanan dan penjualan rokok elektronik atau vape menyempai permainan kanak-kanak atau 'Tiger Pod' yang kini semakin berleluasa.

"Perkara ini sangat membimbangkan ibu-bapa dan guru kerana produk terbabit direka sehingga menarik perhatian kanak-kanak dan remaja untuk menggunakannya.

"Apa yang lebih membimbangkan ialah apabila rokok elektronik atau vape ini menggunakan cecair bernikotin yang penjualannya adalah dikawal di bawah

Akta Racun 1952," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pengedaran dan pembekalan sebarang peredaran mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952.

Pejabat awam akta tertanggung

"Menyedari bahawa Akta Racun 1952 tidak mempunyai peruntukan terhadap larangan aktiviti promosi dan pengiklanan cecair rokok elektronik atau vape, maka peruntukan itu sudah dimasukkan di bawah Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok, bertujuan mengawal selia penghasilan produk itu.



Dr Zaliha Mustafa

"Ia sudah pun dibentangkan untuk bacaan kali kedua pada sidang Parlimen pada Ogos tahun lalu dan pelaksanaan terhadapnya masih tertangguh hingga kini," katanya.

nya.

Beliau berkata, penyelesaian penjualan produk yang boleh membahayakan kesihatan generasi muda seperti 'Tiger Pod' memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, pihak berkuasa tempatan (PBT)

dan agensi penguatkuasaan lain.

"Saya juga ingin menegaskan supaya pengusaha-pengusaha vape haruslah mengambil sikap bertanggungjawab yang tinggi dalam menghasilkan produk mereka.

"Ibu bapa juga diminta terus memantau aktiviti anak-anak supaya tidak terjebak dalam amalan yang boleh merosakkan kesihatan mereka," katanya.

Tambahnya, KKM akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, universiti awam dan swasta serta badan-badan bukr kerajaan dalam aktiviti advokasi dan pencegahan.

"Ini bagi memastikan pendidikan berterusan berkaitan bahaya merokok dapat disebarkan secara meluas kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL



VAPE DIJUAL DEPAN SEKOLAH

KKM sedia perkasa advokasi

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan (KKM) terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, universiti awam dan swasta serta badan bukan kerajaan dalam aktiviti advokasi dan pencegahan bagi memastikan pendidikan berkaitan bahaya merokok disebarkan secara meluas kepada masyarakat.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, ini kerana KKM ambil berat dan kesal berhubung isu penjualan produk rokok elektronik atau vape di hadapan sebuah sekolah yang tular ba-



Perkara itu sangat membimbangkan kerana produk itu direka sehingga menarik perhatian kanak-kanak dan remaja untuk menggunakannya, malah produk vape tersebut menggunakan cecair bernikotin yang penjualannya dikawal di bawah Akta Racun 1952"

Dr Zaliha Mustafa

ru-baru ini.

Beliau berkata KKM juga mendapat maklumat, aktiviti mempromosi, pengiklanan dan penjualan rokok elektronik atau vape yang menyerupai permainan kanak-kanak atau *Tiger Pod* yang kini semakin berleluasa.

"Perkara itu sangat membimbangkan kerana produk itu direka sehingga menarik perhatian kanak-kanak dan remaja untuk menggunakannya, malah produk vape tersebut menggunakan cecair bernikotin yang penjualannya dikawal di bawah Akta Racun 1952.

"Pengedaran dan pembelian sebarang persediaan mengandungi nikotin me-

merlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dibawah peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta Akta Jualan Dadah 1952," katanya.

Menyedari bahawa Akta Racun 1952 tidak mempunyai peruntukan terhadap larangan aktiviti promosi dan pengiklanan cecair rokok elektronik atau vape, beliau berkata peruntukan tersebut sudah dimasukkan di bawah Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok yang bertujuan mengawal selia penghasilan produk tersebut.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan mahu pengusaha vape lebih prihatin dalam penghasilan produk mereka

'Tiger Pod' mampu tarik kanak-kanak

PRODUK vape 'Tiger Pod' yang menyerupai permainan kanak-kanak.



Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA - Penyelesaian terhadap penjualan produk rokok elektronik atau vape seperti 'Tiger Pod' yang boleh membahayakan kesihatan generasi muda memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi di negara ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, ia perlu melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi penguatkuasaan lain.

Katanya, pengusaha vape harus mengambil sikap bertang-

gungjawab yang tinggi dalam penghasilan produk mereka.

"Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil berat dan kesal berhubung isu penjualan produk rokok elektronik atau vape di hadapan sebuah sekolah yang viral baru-baru ini.

"Kita juga mendapat maklumat, aktiviti mempromosi, pengiklanan dan penjualan yang menyerupai permainan kanak-kanak atau 'Tiger Pod' kini semakin berleluasa.

"Perkara ini sangat membimbangkan ibu bapa dan guru kerana produk tersebut direka hingga menarik perhatian kanak-kanak dan remaja untuk menggunakannya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Justeru katanya, ibu bapa diminta terus memantau aktiviti anak-anak supaya tidak terjebak dalam amalan yang boleh merosakkan kesihatan.

Zaliha berkata, KKM akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti awam dan swasta, selain badan-badan bukan kerajaan dalam ak-

tiviti advokasi dan pencegahan bahaya merokok.

"Apa lebih membimbangkan, rokok elektronik atau vape ini menggunakan cecair bernikotin. Penjualannya dikawal di bawah Akta Racun 1952.

"Pengedaran dan pembekalan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 Akta Jualan Dadah 1952," ujarnya.

Katanya, Akta Racun 1952 tidak mempunyai peruntukan terhadap larangan aktiviti promosi dan pengiklanan cecair rokok elektronik atau vape.

Maka katanya, peruntukan itu dimasukkan di bawah Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok yang lebih bertujuan mengawal selia penghasilan produk itu.

"Ia dibentangkan untuk bacaan kali kedua pada sidang Parlimen Ogos 2022 dan pelaksanaannya tertangguh hingga kini," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEGARA

Pesakit buah pinggang meningkat 10,000 setiap tahun

PUTRAJAYA – Jumlah individu yang berdepan masalah kegagalan buah pinggang dilaporkan meningkat sekitar 10,000 orang atau 30 peratus setiap tahun, sekali gus menyebabkan lebih ramai pesakit perlu mendapatkan rawatan dialisis.

Ketua Pegawai Operasi Maaedicare Charitable Foundation, Dr. Mohammad Shazli Abdul Rahman berkata, peningkatan jumlah pesakit itu antara lain disebabkan jumlah populasi rakyat semakin meningkat selain pertambahan individu menghidap penyakit kritikal berkaitan.

Katanya, antara faktor menyumbang kepada peningkatan bilangan pesakit buah pinggang termasuklah kencing manis, darah tinggi dan kolesterol tinggi selain sering mengamalkan produk makanan tambahan seperti untuk pemutihan kulit.

"Dalam konteks ini, jumlah individu yang menghidap masalah kegagalan buah pinggang dilihat



PEMINDAHAN buah pinggang adalah kaedah terakhir bagi menyelamatkan nyawa pesakit. – GAMBAR HIASAN

begitu membimbangkan kerana sentiasa meningkat setiap tahun iaitu sekitar 10,000 orang.

"Di Malaysia, selain rawatan pemindahan buah pinggang untuk mengubati penyakit itu,

tumpuan lebih diberikan kepada kaedah dialisis bagi memastikan pesakit terus bertahan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sebelum ini, bekas Menteri



DR. MOHAMMAD SHAZLI

Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mendedahkan, jumlah pesakit dialisis baharu setiap tahun di negara ini sekitar 8,000 orang, manakala bilangan pesakit buah pinggang yang sedang menunggu transplan sejumlah 4,722 individu.

Mohammad Shazli berkata, pesakit yang perlu mendapat-

kan rawatan dialisis khususnya di fasiliti perubatan swasta juga terpaksa membelanjakan sejumlah wang memandangkan kosnya mampu mencapai sehingga RM5,000 sebulan termasuk ubat-ubatan, namun tidak termasuk kos-kos sampingan lain.

"Jadi, kita faham masalah kewangan yang perlu ditanggung mereka kerana jika mahu ke hospital kerajaan, jumlahnya terhad dan perlu menunggu giliran.

"Bagaimanapun, pesakit boleh mendapatkan rawatan di beberapa pusat dialisis yang dikenali badan amal termasuk di Maaedicare Charitable Foundation dengan kos sekitar RM1,800 sebulan," ujarnya.

Kata beliau, pihaknya membantu pesakit dalam kategori miskin dan dialisis ditawarkan pada harga serendah RM110 untuk satu sesi, manakala bagi kategori miskin tegar, ia boleh dipertimbangkan untuk diberikan secara percuma sahaja.

Pesakit B40 terpaksa berhabis wang simpanan 12 kali sebulan untuk jalani dialisis

Kos mahal rawat buah pinggang sakit

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA – Ramai pesakit buah pinggang terutama golongan B40 terpaksa menghabiskan wang simpanan dan mengadai harta benda bagi menjalani dialisis yang menelan belanja sehingga RM7,000 sebulan sememata untuk terus bernyawa.

Anggaran itu berdasarkan kos dialisis sekitar RM250 bagi satu sesi di fasiliti perubatan swasta yang mana setiap pesakit perlu menjalannya sebanyak tiga kali seminggu selain terpaksa menanggung kos-kos lain termasuk pengangkutan.

Seorang peniaga yang menghidap masalah kegagalan buah pinggang, Nurul Atiqah Abdullah, 33, berkata, rawatan dialisis dilihat sebagai satu bebanan besar buatnya kerana kos bulanan yang terpaksa ditanggung melebihi pendapatan bulanan.

"Saya menghidap kencing manis ketika berusia 22 tahun dan pada pertengahan tahun lalu, masalah itu menjadi semakin serius apabila disahkan menghidap masalah buah pinggang serta perlu menjalani dialisis.

"Memandangkan saya perlu memasang tiub *Internal Jugular Catheter* (IJC) di leher bagi rawatan dialisis, maka kos yang perlu ditanggung sekitar RM3,000 sebulan dan jumlahnya melebihi pendapatan bulanan saya yang tidak tetap sebagai peniaga gerai makan.

"Setiap kali dialisis di fasiliti swasta, saya perlu bayar sekitar



NURUL ATIQAH menjalani rawatan dialisis sebanyak 12 kali sebulan dengan kos sebanyak RM250 bagi setiap sesi.

RM250 dan melakukannya sebanyak tiga kali seminggu. Jika dihitung, setiap bulan kosnya sekitar RM3,000," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Nurul Atiqah berkata, diali-

sis perlu dilakukan di pusat perubatan swasta yang menelan belanja tinggi memandangkan jumlah pesakit yang terlalu ramai di hospital atau fasiliti kerajaan serta perlu menunggu giliran

panjang.

"Jika boleh tunggu giliran memang saya akan tunggu di hospital kerajaan, tetapi jumlah pesakit ramai di sana dan rawatan perlu segera dilakukan. Jadi, cara terbaik ialah keluaran wang simpanan sendiri.

"Sebenarnya, kita ada beberapa badan yang membantu pesakit buah pinggang untuk mendapatkan dialisis seperti Baitulmal, tetapi prosesnya mengambil sedikit masa," ujarnya.

Menurutnya, dia juga ada membuat permohonan kepada Baitulmal untuk mendapatkan bantuan tersebut, namun masih menunggu kelulusan daripada pihak terbabit.

"Sebelum ini, saya ada menerima bantuan *one-off* sebanyak RM2,000, tetapi dana itu habis digunakan untuk membayai lapan kali rawatan sahaja.

"Jadi, saya berharap pihak terlibat mempertimbangkan bagi mempercepatkan proses permohonan kami, sekali gus membantu pesakit B40 dan meringankan beban kewangan mereka," rayunya.

Sementara itu, seorang waris pesakit, Saharum fared Kadir, 40, berkata, bapanya perlu membayai kira-kira RM14,000 dalam masa tiga bulan bagi menjalani dialisis termasuk membuat pemasangan *Arteriovenous Fistula* (AF) bagi membolehkan rawatan dijalankan.

"Memandangkan kami golongan keluarga sederhana dan ayah hanya pesara kerajaan, kos

RM3,000 sebulan untuk dialisis memang tinggi sehingga terpaksa 'ikat perut' bagi menjimatkan perbelanjaan.

"Kami pernah melalui situasi tidak makan makanan enak seperti ayam kerana mahu berjimat-cermat, asalkan ayah menerima rawatan sebaiknya, malah duit simpanan juga banyak digunakan sepanjang tempoh itu.

"Sebagai pesara, memang boleh mendapat bantuan kerajaan, tetapi ia perlu buat permohonan setiap enam bulan sekali. Dalam tempoh itu, banyak duit simpanan terpaksa digunakan termasuk wang pencen," jelasnya.

Susulan itu, Saharum amat berharap Kementerian Kesihatan (KKM) dapat mencari jalan penyelesaian terbaik untuk membantu pesakit bukan sahaja daripada kumpulan B40, malah golongan M40.

"Antara paling diharapkan ialah KKM dapat menyediakan lebih banyak pusat dialisis kerajaan yang menawarkan rawatan dengan harga lebih rendah.

"Pusat dialisis swasta juga boleh memainkan peranan dengan mengurangkan kos rawatan, lebih-lebih lagi kepada golongan yang layak," katanya.

Berdasarkan data daripada Malaysian Dialysis and Transplantation Registry pada 2022, terdapat 49,111 pesakit yang menjalani dialisis di negara ini dengan rata-rata mereka adalah secara hemodialisis, manakala selebihnya menerusi rawatan peritoneal dialisis.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiger Pod bahayakan kesihatan

PUTRAJAYA: Pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi penguatkuasaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha rokok elektronik yang menjual produk tersebut kepada pelajar sekolah.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, penjualan rokok elektronik seperti *Tiger Pod* kepada generasi muda boleh membahayakan kesihatan golongan itu.

Katanya, pengusaha rokok elektronik juga perlu bertanggungjawab.

"Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil berat dan kesal berhubung isu penjualan produk rokok elektronik di hadapan sebuah sekolah yang tular baru-baru ini. Kita juga mendapat maklumat, aktiviti mempromosi, pengiklanan dan penjualan yang menyerupai permainan kanak-kanak atau *Tiger Pod* kini semakin berleluasa.

"Perkara ini sangat membimbangkan ibu bapa dan guru kerana produk tersebut direka sehingga menarik perhatian kanak-kanak dan remaja menggunakannya.

"Justeru, ibu bapa juga diminta terus memantau aktiviti anak-anak supaya tidak terjebak dalam amalan yang boleh merosakkan kesihatan mereka," katanya dalam kenyataan semalam.

Zaliha berkata, KKM juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan dalam aktiviti advokasi dan pencegahan bagi memastikan pendidikan berterusan berkaitan bahaya merokok dapat disebarkan secara meluas.

Katanya, apa yang lebih membimbangkan ialah apabila rokok elektronik menggunakan cecair bernikotin yang mana penjualannya dikawal di bawah Akta Racun 1952.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LETTERS

VITAL MOVE

BEEF UP HEALTH SYSTEMS

IT has been two years since the Covid-19 pandemic began. We are moving towards a more sustainable management of the virus, which has been ably managed in Malaysia.

Although Covid-19 is still dominating the healthscape, it is appropriate to reflect on the highlights of healthcare in 2022.

FIRST, two types of Covid-19 vaccines are being developed by Malaysian experts.

Among the research projects is the development of an oral vaccine against Covid-19, using an attenuated cholera bacteria by scientists at Universiti Sains Malaysia and AIMST University. It is expected to be completed in 2024.

In the past two years, Malaysia has been innovative in establishing a clear and open multisource data collection and feedback system to understand and respond to the public's concerns about Covid-19.

Evidence of factors that influence people's actions and behaviours can help design realistic health-communication methods, and create people-oriented programmes and policies.

SECOND, the rising cost of healthcare. The increasing incidence of non-communicable diseases (NCDs), such

as cardiovascular diseases, diabetes and cancer, is placing an increased strain on the country's health system.

The joint Health Ministry and World Health Organisation report of 2022 reveals that the healthcare cost of NCDs in Malaysia is close to RM10 billion in 2022.

Elderly health also imposes a strain on the cost of healthcare. Malaysia is expected to be an ageing nation by 2030, when more than 15 per cent of the population will be 60 years of age or older. An ageing population will increase the cost of healthcare by two to three times. In the future, new policies and plans for the elderly will need to be developed.

THIRD, Malaysia grappled with health issues among its populace. It spearheaded the digital community trials to protect mental health during Covid-19. "Relate Me" is a digital health programme created to help build a sense of community during the lockdowns through the WhatsApp platform.

The project was designed and coordinated by the Southeast Asia Community Observatory (Seaco) and the Medical School of Monash University Malaysia, in collaboration with WHO.

Professor Tin Tin, one of the researchers, said: "Loneliness and



The Covid-19 pandemic has changed the healthcare approaches of patients and medical practitioners. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

concerns about household finances were more closely linked to mental health concerns than education status, overcrowded housing, age, gender, ethnicity, fears about Covid-19 or other factors. This is an important finding for policymakers to take into account."

What awaits us in 2023? The New Year brings with it the promise of new opportunities.

The Covid-19 pandemic has dramatically changed healthcare approaches, for patients and practitioners. We discern three trends.

ONE, people are concerned with their personal wellbeing, as well as that of their community and the planet.

Mental health will continue to be one of the biggest healthcare trends in 2023. WHO affirms this trend as mental-health services were severely compromised during the pandemic.

TWO, digital tools to diagnose diseases will increasingly gain prominence. Artificial intelligence in healthcare is forecast to increase significantly in 2023, as evidence of its reliability increases.

Wearable devices are forecast to be increasingly used by patients in 2023 to track their health and activity. They can also be used by clinicians to monitor patients remotely.

THREE, telemedicine seems to be the way of the future in community

healthcare. In 2023, it is expected that there will be an increase in home-based care as the pandemic has proved that a familiar environment and proximity to family can have a positive effect on patient outcomes.

Improved healthcare systems are needed to tackle health challenges.

Simply being active, nurturing a healthy mind, eating well, not smoking and undergoing regular vaccinations and health screenings can make a difference.

DR MADHUMITA SEN

Deputy director, Clinical Skills Centre, Faculty of Medicine, AIMST University

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VIEWS

Let GEG be a fight for another day

THE Health Ministry's statement declaring its concern over the sale of cigarettes and vaping products resembling toys in front of a school demonstrates the helplessness of our health authorities in protecting these vulnerable individuals.

To this day, despite being an industry worth an estimated RM2.3bil and this country being the largest market in South-East Asia, the marketing and selling of vape and its products remain unregulated in Malaysia.

Due to lack of legislation or regulation, nothing is able to prevent, restrict or prohibit the manufacturing, marketing and selling of vape products with high nicotine content.

Vape and cigarettes are part of the problem of nicotine addiction. Vapers find that though they may have stopped smoking cigarettes, their addiction has transferred to cigarettes and vape. Some will smoke both tobacco and cigarettes.

Children as young as 10 are becoming addicted to nicotine. Where previously their parents would be smoking cigarettes to feed their addiction, these kids are puffing on vape to deal with theirs.

The Tobacco and Smoking Control Bill was proposed to regulate the vape industry in the same way the tobacco industry is currently regulated, especially in matters pertaining to advertisements, marketing, promotion and sponsorships.

To ensure the speedy passage of this Bill, I am proposing that the provisions related to the generational endgame in the current version be dropped. These provisions, which were found to be contentious and unpalatable by members of the previous Parliament, will have to be a fight for another day.

AZRUL MOHD KHALIB
Galen Centre for Health and
Social Policy
Kuala Lumpur

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Govt to educate public on smoking risks

KUALA LUMPUR: The Health Ministry will continue to work with the Education Ministry, the Higher Education Ministry, public and private universities and non-governmental organisations to ensure that issues related to the dangers of smoking are widely disseminated to the community.

Its minister Dr Zaliha Mustafa, in a statement yesterday, said the Health Ministry is concerned that electronic cigarettes or vape products were being sold in front of a school, as shown in an online video recently.

She said the ministry is also aware of widespread promotional activities, advertising and sales of electronic cigarettes or vape products that resemble children's games such as the "Tiger Pod". - Bernama